

12 HARI LAGI: MENGUNDI HAK ANDA

Panatan: PAS terpu—Dr. M

Sebab2 BN buat serangan dijelas

IPOH, Ahad — Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS akan tertipu berkerjasama dengan DAP dalam pilihanraya ini.

Timbalan Perdana Menteri memberi sebab-sebab mengapa pemimpin-pemimpi Barisan Nasional lebih banyak membuat "serangan" terhadap parti-parti lawan dalam menghadapi pilihanraya akan datang.

Katanya, serangan seperti itu amat perlu untuk memberitahu rakyat hakikat yang sebenarnya dan sikap "menyerang Barisan Nasional ini adalah semata-mata untuk kebaikan rakyat semua golongan."

"Sekiranya kita tidak menyerang mereka terhadap janji-janji yang tidak mungkin mereka tunakan, mungkin orang-orang akan terpengaruh dengan mereka," ujar Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Negeri Perak.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, PAS umpamanya, telah membuat janji-janji setiap kali pilihanraya diadakan.

"Tetapi apabila ia dapat undi, ia kata ia tidak dapat tunakan janji-janji itu kerana Kerajaan Pusat di kuasai oleh parti lain, perkara ini diulanginya beberapa kali walaupun PAS tahu ia tidak akan menguasai Kerajaan Pusat," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Perak, menjelaskan demikian selepas menghadiri majlis taklimat yang di serai oleh isteri beliau dan ketua-ketua parti Barisan Nasional di pejabat UMNO di sini.

Ini, katanya, disebabkan keadaan kerjasama kedua parti itu agak beza sedikit dari yang dijalankan di negeri-negeri lain.

Muslihat

Di Perak, DAP meletakkan ramal calon-calon Melayu untuk mendapatkan pengundi Melayu di samping undi-undi orang bukan Melayu.

"Ini muslihat DAP untuk menang. Dalam perkara ini PAS akan tertipu dalam kerjasamanya dengan DAP. Ini disebabkan, PAS berharap calon-calon DAP akan dapat menarik undi bukan Melayu dan sekiranya ini berlaku, PAS yakin ia mungkin menang dengan mendapat undi Melayu.

"Tapi oleh kerana DAP sendiri meletakkan ramal calon-calon Melayu, ia juga mungkin dapat menarik pengundi-pengundi Melayu dan dengan ini, PAS akan tertipu," jelasnya.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata, beliau tidak mengakui bahawa Perak adalah kubu DAP.

Tabiat

"Memang ada setengah-setengah tempat yang menghampiri kepada parti pembangkang jadi mereka mungkin menyokong mana-mana parti pembangkang dan dengan tidak secara langsung, DAP menjadi parti seperti itu," katanya.

Menurutnya, dalam perkara seperti ini, sama ada DAP kuat atau tidak bukan menjadi soal.

Cuma memang tabiat setengah-setengah orang di setengah tempat yang mungkin suka memilih parti pembangkang.

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa tempat di mana calon Barisan menghadapi tantangan hebat dari calon pembangkang.

Ini, katanya, disebabkan mereka belum faham hakikat sebenarnya.

"Mereka ini tertarik dengan ucapan-ucapan pembangkang yang selalunya mengkritik orang."

"Memang mudah membuat ucapan sedap bila mengkritik orang, tetapi tidak begitu mudah apabila diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas itu dilihat Muka 20.

Harapan BN menang cerah

Dari Muka 1

jalankan dengan sempurna," ujarnya.

Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan, tandatanda sudah ada para penyokong parti pembangkang sendiri sudah bosan memberi undi kepada mereka kerana tidak mendapat sebarang ganjaran atau kesan baik dari parti-parti itu.

"Kita dapati sekarang, rakyat termasuk penyokong-penyokong parti pembangkang sendiri menaikan poster-poster Barisan Nasional."

Katanya, mereka sudah sedar, parti-parti pembangkang cuma mempunyai suara yang lantang tetapi mereka tidak boleh memberi sebarang keuntungan kepada orang-orang yang mendukung mereka. Beliau meramalkan,

PAS akan mengalami akibat buruk di tangan DAP di Negeri Perak walaupun kedua-dua parti itu bekerjasama dalam menghadapi pilihanraya akan datang.

Dato Seri Dr. Mahathir menerangkan, harapan Barisan Nasional menang dalam pilihanraya umum di Perak khususnya amatlah cerah.

"Apa yang perlu adalah ia mesti memperluaskan lagi kempenya supaya lebih ramai rakyat faham tentang perjuangan Barisan Nasional dan tidak dikelirukan oleh parti-parti pembangkang."

Pada keseluruhan, katanya, beliau puashati dengan usahanya yang telah dijalankan di Perak untuk menjamin kemenangan Barisan Nasional walaupun terdapat "sedikit kelemahan di sana sini."

No. Sur. 1350
No. Pen. 1001/80

No. 6
No.